



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 12 JULAI 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KANDUNGAN BIOTOKSIN KUPANG TIDAK STABIL, DALAM NEGERI, UM -34	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
2.	TUJUH STRATEGI PEMASARAN TERNAKAN FAMA, SH -7	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
3.	MAQIS PATAH CUBAAN BAWA MASUK 15kg ULAT SUTERA DARI VIETNAM, HM -ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
4.	SELUDUP 15kg ULAT SUTERA VIETNAM DALAM BAGASI, SH -ONLINE	
5.	15kg ULAT SUTERA DARI VIETNAM DIRAMPAS DI LTAPP, KOSMO -ONLINE	
6.	MAQIS P.PINANG RAMPAS 15kg ULAT SUTERA DARI VIETNAM, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE	
7.	MAQIS GAGALKAN CUBAAN BAWA MASUK ULAT SUTERA DARI VIETNAM, BULETIN TV3 -ONLINE	
8.	PEMBENIHAN AWAN DI EMPANGAN BUKIT MERAH, NASIONAL, BH -21	KAWASAN PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU (IADA)
9.	DURIANS ON A FAST TRAIN TO CHINA, NATION, THE STAR -13	LAIN-LAIN
10.	EYES ON ECOMMERCE PLATFORMS, NATION, THE STAR -6	
11.	MORE REASONS TO EAT PRAWNS, NATION, THE STAR -11	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

12/7/2024

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

34

Kandungan biotoksin kupang tidak stabil

Oleh **BADRUL HAFIZAN MAT ISA**
badrulisa@mediamula.com.my

SEREMBAN: Kadar kandungan biotoksin yang tidak stabil selain penemuan alga berbahaya spesies *Alexandrium* dalam jumlah yang banyak antara faktor larangan pengeluaran dan pengambilan hasil kupang dan kerang-kerangan masih dikuatkuasakan di negeri ini.

Pengarah Perikanan Negeri Sembilan, Kasim Tawe berkata, walaupun hasil ujian makmal menunjukkan kadar biotoksin pada kupang sudah berada di bawah had pengambilan selamat untuk manusia namun bacaannya tidak stabil.

"Had pengambilan selamat untuk manusia adalah di bawah 800 per bilion (ppb) namun hasil sampel makmal kebelakangan ini tidak stabil, kadang kala ia menunjukkan bacaan 470 ppb kemudian ada naik kembali menjadi 600 ppb, oleh itu kami ambil keputusan untuk masih membuat larangan tersebut."

"Selain kandungan biotoksin,



Had pengambilan selamat untuk manusia adalah di bawah 800 per bilion (ppb)."

KASIM TAWA

pertimbangan kami juga berdasarkan alga berbahaya spesies *Alexandrium* yang dijumpai dalam jumlah yang banyak. Alga ini wujud semulajadi, jika bilangan kecil ia tidak memberi impak kepada kupang namun jika terlampau banyak ia akan memberikan kesan dengan pengumpulan biotoksin pada sel kupang.

"Kami masih menunggu tiga keputusan ujian makmal sebelum kami memberikan kebenaran semula kepada pengeluaran hasil kupang dan kerang-kerangan di Port Dick-

son mungkin dalam beberapa minggu lagi, saya boleh maklumkan ia kini ke arah positif," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini.

Pada 4 April lalu, Jabatan Perikanan Malaysia mengesahkan kupang di Port Dickson dicemari oleh biotoksin berbahaya dan tidak selamat dimakan selepas analisis mendapati terdapat tiga alga berbahaya iaitu spesies *Prorocentrum*, *Alexandrium* dan *Pseudonitzschia*.

Analisis tersebut dibuat selepas terdapat laporan kes keracunan makanan berkaitan pengambilan kupang termasuk dua kes kritikal berlaku di Port Dickson.

Pada 21 Mei lalu, hasil ujian makmal menunjukkan kandungan biotoksin pada kupang di Port Dickson mencatatkan bacaan 498 ppb.

Kasim berkata, setakat ini sebanyak 15 sampel kupang diambil bermula 2 April lalu dan bacaan terkini menunjukkan kadar biotoksin sudah di bawah 200 ppb.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/7/2024	SINAR HARIAN		7

Tujuh strategi pemasaran ternakan FAMA

Mampu perkasa potensi pasaran hasil pertanian negara

OLEH MUKHRIZ MAT HUSSIN



Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) merangka tujuh strategi dengan mengaktifkan lagi pemasaran hasil pertanian negara sekali gus memperkasakan golongan petani, penternak dan usahawan dalam sektor itu.

Pengarah Kanan (Pemasaran Segar) FAMA, Shahrizan Sudiman berkata, strategi tersebut selari dengan fungsi FAMA melalui pindaan Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 (Pindaan 2022) (Akta 141) iaitu memberi peluang kepada penternak untuk memasarkan produk ternakan mereka.

Ujar Shahrizan, strategi pertama melibatkan usaha mengumpul maklumat dan pangkalan data berkaitan usahawan dan penternak yang berdaftar di bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS).

"Strategi kedua, kita ada pengaturann pemasaran, maknanya sekiranya ada lebihan, kita menyediakan platform-platform kepada penternak dan usahawan untuk menjual barang-barang mereka.

"Kita ada pasar tani, pasar tani kekal, agrobazaar, kedai rakyat dan sebagainya. Banyak cawangan-cawangan kita yang ada di seluruh negara boleh digunakan atau boleh dijadikan platform kepada usahawan-usahawan untuk menjual barangan dan bekalan mereka ke pasaran yang telah kita aturkan," katanya.

Shahrizan berkata demikian dalam Program Interviu bertajuk 'Peranan FAMA: Pemasaran Ternakan Agromakanan Negara' yang disiarkan melalui semua platform digital *Sinar Harian* pada Jumaat.

Tambah beliau, FAMA turut memfokuskan strategi ketiga iaitu menyediakan ruang pasaran yang mana pihaknya membantu mencari peluang memasarkan hasil para petani, penternak dan nelayan di samping membantu dari aspek logistik.

Infrastruktur dan kemudahan

Sementara itu, strategi keempat katanya, merangkumi penyediaan infrastruktur dan kemudahan pemasaran di mana pihak FAMA menguruskan keperluan-keperluan tertentu yang dapat membantu dalam usaha memasarkan hasil ternakan.

"Contohnya keperluan utama yang kita masukkan dalam skop ternakan ini ialah kemudahan bilik sejuk untuk simpan barangan-barangan itu khususnya kepada usahawan-usahawan memerlukan bekalan hasil pertanian.



Pada masa sama, FAMA juga menyediakan kemudahan pusat-pusat pengumpulan bagi mereka menguruskan penghantaran bekalan-bekalan ke pasaran."

- SHAHRIZAN



Rangka strategi pemasaran FAMA selari dengan hasrat KPKM untuk memastikan ketenteraman bekalan makanan mencukupi bagi keperluan dalam negara.

"Pada masa sama, FAMA juga menyediakan kemudahan pusat-pusat pengumpulan bagi mereka menguruskan penghantaran bekalan-bekalan ke pasaran," ujarnya.

Selain itu, strategi-strategi lain jelas Shahrizan ialah menyediakan produk ke pasaran yang mana FAMA membantu para usahawan industri asas tani mengembangkan hasil jualan mereka kepada cabang baharu.

"Begitu juga dengan strategi peningkatan penggunaan. Itu yang kita katakan apabila melibatkan kepenggunaan, ada beberapa aktiviti atau program-program untuk menarik minat pengguna-pengguna mengubah cara mereka menggunakan sesuatu makanan itu.

"Contohnya, bagaimana hendak diolah untuk dijadikan makanan yang mengikut perubahan atau 'trend' semasa. Selain itu, olahan tersebut boleh melibatkan ternakan-ternakan lain seperti burung puyuh, itik dan arnab sebagai alternatif penggunaan," jelas beliau.

Pada masa sama FAMA turut melibatkan aktiviti belian intervensi sebagai antara strategi meningkatkan potensi pemasaran hasil asas tani yang baik dan teratur sama ada daripada FAMA atau usahawan-usahawan.

Dalam pada itu, FAMA turut memperkasakan lagi skop pemasarannya melibatkan beberapa komoditi-komoditi ternakan termasuk lembu, kerbau, unggas, biri-biri, kambing dan arnab menerusi pindaan Akta Lembaga

Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 (Akta 141).

"Perubahan akta itu menambahkan skop ruang fungsi FAMA kepada ternakan. Ia mampu mengatur semula gerak kerja menguruskan pemasaran hal-hal ternakan ini selain kerjasama yang boleh kita aturkan dengan industri di negara ini," katanya.

Hasrat KPKM

Secara keseluruhannya, Shahrizan memaklumkan rangka strategi tersebut adalah selari dengan hasrat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) untuk memastikan ketenteraman bekalan makanan itu mencukupi untuk keperluan dalam negara.

Malahan, hasil asas tani negara juga mempunyai potensi besar untuk diperluaskan bagi pasaran penduduk global pada masa depan.

"Kalau kita lihat daripada laporan perkembangan penduduk pada tahun 2050 bagi Asia dan Afrika, kita akan ada peningkatan lebih kurang 50 hingga 90 peratus peningkatan keperluan bahan makanan.

"Justeru, seiring dengan apa yang kita bangunkan di negara sekarang ini pastinya sudah pasti mampu memenuhi aspirasi itu yang mana ia turut kerjasama semua pihak," ujarnya.

Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat berhubung FAMA boleh mengikuti perkembangan menerusi laman rasmi <https://www.fama.gov.my/utama> atau mengunjungi mana-mana cawangan berdekatan di seluruh negara.



Shahrizan (kanan) mengulas mengenai tujuh strategi FAMA untuk memperkasakan hasil asas tani negara semasa Program Interviu bertajuk 'Peranan FAMA: Pemasaran Ternakan Agromakanan Negara' yang dihoskan oleh Halizir Othman.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/7/2024	HARIAN METRO	ONLINE	

Maqis patah cubaan bawa masuk 15 kg ulat sutera dari Vietnam



Sebanyak 15 kilogram (kg) ulat sutera tanpa permit import dirampas Maqis Pulau Pinang di pintu masuk Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP). FOTO Ihsan Maqis

Bayan Lepas: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Negeri Pulau Pinang berjaya mematahkan cubaan membawa masuk 15

kilogram (kg) ulat sutera tanpa permit import di pintu masuk Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP), hari ini.

Maqis dalam kenyataan berkata, hasil pemeriksaan terhadap bagasi milik penumpang dari negara Vietnam mengandungi ulat sutera dan cuba dibawa masuk ke dalam negara.

Katanya, ulat sutera itu dirampas kerana dibawa masuk ke dalam negara tanpa kelulusan dan dokumen permit import yang sah.

"Perbuatan mengimport atau membawa masuk keluaran hasil pertanian tanpa permit yang sah menjadi satu kesalahan mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan

Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] yang boleh di hukum dibawah Seksyen 11(3) akta sama.

"Jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali," menurut kenyataan itu, hari ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/7/2024	SINAR HARIAN	ONLINE	

Seludup 15kg ulat sutera Vietnam dalam bagasi



Maqis Pulau Pinang merampas 15kg ulat sutera yang dibawa penumpang dari Vietnam di pintu masuk LTAPP, pada Selasa.

BAYAN LEPAS – Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Pulau Pinang menggagalkan cubaan membawa masuk ulat sutera tanpa permit import di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP), pada Selasa.

Maqis Pulau Pinang dalam kenyataannya berkata, ulat sutera seberat 15 kilogram (kg) itu dirampas di pintu masuk LTAPP ketika dibawa dari Vietnam.

Menurutnya, rampasan itu dibuat selepas pemeriksaan ke atas bagasi seorang penumpang dari Vietnam yang baru tiba di negeri ini.



Ulat sutera dibawa masuk dari Vietnam tanpa permit yang sah.

"Pemeriksaan mendapati bagasi tersebut mengandungi sebanyak 15 kg ulat sutera yang cuba dibawa masuk ke dalam negara ini.

"Ulat sutera itu dirampas mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] kerana dibawa masuk

ke dalam negara tanpa kelulusan dan dokumen permit import yang sah," katanya pada Selasa.



Ulat sutera seberat 15kg tanpa permit dirampas Maqis Pulau Pinang di LTAPP pada Selasa.

Maqis Pulau Pinang menambah, perbuatan mengimport atau membawa masuk keluaran hasil pertanian tanpa permit yang sah adalah menjadi satu kesalahan di bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] yang boleh di hukum di

bawah Seksyen 11(3), akta sama.

"Jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/7/2024	KOSMO	ONLINE	

15kg ulat sutera dari Vietnam dirampas di LTAPP



Sebanyak 15kg ulat sutera dari Vietnam dirampas di pintu masuk LTAPP di Bayan Lepas, hari ini.

GEORGE TOWN – Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Pulau Pinang menggagalkan cubaan membawa masuk ulat sutera tanpa permit import di pintu masuk Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) di Bayan Lepas hari ini.

Jurucakap Maqis berkata, hasil pemeriksaan bagasi seorang penumpang dari Vietnam mendapati mengandungi 15 kilogram (kg) ulat sutera yang cuba dibawa masuk ke dalam negara.

“Ulat sutera ini di bawa masuk ke dalam negara tanpa kelulusan dan dokumen permit import yang sah.

“Barangan ini ditahan di bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728),” katanya di sini hari ini.

Menurutnya, perbuatan mengimport atau membawa masuk keluaran hasil pertanian tanpa permit yang sah adalah menjadi satu kesalahan di bawah Seksyen 11(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang boleh di hukum dibawah Seksyen 11(3), akta yang sama.

“Jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali,” katanya. -KOSMO! ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/7/2024	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

MAQIS P.Pinang rampas 15 kg ulat sutera dari Vietnam



Ulat sutera yang dibawa masuk dari Vietnam di pintu masuk Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang hari ini.

BAYAN LEPAS – Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Pulau Pinang menggagalkan cubaan membawa masuk ulat sutera tanpa permit import di pintu masuk Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) di sini hari ini.

MAQIS dalam satu kenyataan berkata, ulat sutera itu ditemui hasil pemeriksaan ke atas bagasi yang dibawa seorang penumpang dari Vietnam.

“Hasil semakan lanjut mendapati sebanyak 15 kilogram ulat sutera cuba dibawa masuk ke dalam negara.



Kesemua 15 kg ulat sutera itu dirampas untuk tindakan lanjut.

“Kita telah sita kesemua ulat sutera itu dan siasatan dibuat mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] kerana dibawa masuk ke dalam negara tanpa kelulusan dan dokumen permit import yang sah.

“Jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali,” katanya. – MalaysiaGazette

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/7/2024	BULETIN TV3	ONLINE	

Maqis galkan cubaan bawa masuk ulat sutera dari Vietnam



BAYAN LEPAS: Cubaan membawa masuk 15 kilogram (kg) ulat sutera tanpa permit import di pintu masuk Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP), berjaya dipatahkan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Negeri Pulau Pinang, hari ini.

Maqis dalam kenyataan berkata, hasil pemeriksaan terhadap bagasi milik penumpang dari negara Vietnam mengandungi ulat sutera dan cuba dibawa masuk ke dalam negara.

Katanya, ulat sutera itu dirampas kerana dibawa masuk ke dalam negara tanpa kelulusan dan dokumen permit import yang sah.

“Perbuatan mengimport atau membawa masuk keluaran hasil pertanian tanpa permit yang sah menjadi satu kesalahan mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] yang boleh di hukum dibawah Seksyen 11(3) akta sama.

“Jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali,” menurut kenyataan itu, hari ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/7/2024	BERITA HARIAN	NASIONAL	21

Pembenihan awan di Empangan Bukit Merah

Ipoh: Operasi pembenihan awan bakal dilaksanakan di Empangan Bukit Merah di Baglan Serai, dekat sini berikutan penyusutan baki simpanan semasa air mentah dikenal pasti mencecah paras bahaya.

Pengerusi Infrastruktur, Tenaga, Air dan Pengangkutan Awam negeri, Datuk Seri Mohammad Nizar Jamaluddin, berkata pelaksanaan operasi itu bagaimanapun bergantung kepada cuaca seperti disarankan Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia).

Beliau berkata, ketetapan berhubung pelaksanaan operasi dipersetujui dalam mesyuarat pada 4 Julai lalu, membabitkan jabatan serta agensi berkaitan pada peringkat Pusat serta negeri.

“Mesyuarat itu membabitkan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Jabatan Pengairan

dan Saliran (JPS), Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA), Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan sebagainya.

“Semua pihak bersetuju melaksanakan operasi pembersihan awan, namun perkara ini masih pada peringkat pelarasan oleh NADMA,” katanya.

Pada 9 Julai lalu, NADMA dalam satu kenyataan, memaklumkan Empangan Bukit Merah dan Empangan Muda di Kedah menunjukkan penyusutan baki simpanan semasa air mentah pada paras bahaya, masing-masing 19.97 peratus dan 18.37 peratus.

Mohammad Nizar berkata, fenomena di Empangan Bukit Merah adalah yang terburuk direkodkan dalam tempoh empat tahun, berpunca keadaan cuaca El-Nino yang melanda negara sejak 2023 hingga Mei lalu.

BERNAMA



Mohammad Nizar

Durians on a fast train to China

New rail link to see King of Fruits arriving at destination in just nine days

By HO JIA WEN

jiawen.ho@thestar.com.my

PETALING JAYA: Malaysian durians will "board" the Asean Express to China, a newly-launched rail link connecting the country to the Middle Kingdom, Thailand and Laos.

"It takes nine days for a one-way trip from Malaysia to China," Keretapi Tanah Melayu Bhd (KTMB) chief operating officer Mohd Zain Mat Taha said yesterday during the arrival of the inaugural Selangor-Chongqing-Selangor round trip made by Asean Express.

This is a faster journey compared to the sea route of 14 to 21 days.

The train, carrying 20 wagons each with a 40-foot container, had started its journey from Kontena Nasional Inland Clearance Depot in Seri Setia here on June 27.

During its outbound journey, the train transported food products to Thanaleng in Laos, and China.

On its inbound trip, the train transported sodium sulphate from China, which will be used to make detergents.

The Asean Express is touted to be a more economical mode of transportation compared to shipping by sea, and allows for convenient transportation to inland destinations.



Rail-ly cool: The Asean Express train arriving at the Kontena Nasional Inland Clearance Depot, Jalan Kelang Lama, Kuala Lumpur, for the inaugural Selangor-Chongqing-Selangor round trip. — SIA HONG KIAU/The Star

Datuk Tan Keng Choon, who is

executive director of Masavan Logistics, one of KTMB strategic partners for the Asean Express, said the durian transportation by rail is in the pipeline.

Transportation by rail would either be frozen fruits or those that were harvested before they had ripened.

"We have the capability to transport frozen durians, but we are also discussing with other businesses to come up with another way to transport them,"

he said.

One of the ways is to gather the durian before it ripens.

These durians can withstand transportation for up to 10 days, he said.

"We are thinking of ways to transport it through rail, so the durians will be ripe upon arrival in China," he said.

Tan said they were engaging with Thai authorities about the transportation of durians and other fruits to China.

Transportation of fruits by rail

would shorten the time needed and this would ensure their freshness, he said.

KTMB corporate planning head Abdul Salim Shah Abdul Aziz said there were time slots every day for the rail trip to China and back.

"At the moment, we are anticipating two to three trips a month, but as the service grows, it will be a daily trip," he said.

He also said that there were no restrictions on the products, as long as they could be transported by rail and were permit-

ted to cross borders.

This includes chemical products, food and fruits, he said.

He also said that they were expecting more inland ports nationwide to transport their goods via the Asean Express.

"There is one in Segamat (Johor), Ipoh and also in Perlis," he said.

"These ports are important terminals for us to pick up these containers along these hubs and move across to Thai, Laos and China," he said.

12/7/2024

THE STAR

NATION

11

More reasons to eat prawns

Due to oversupply, consumers can expect to pay up to RM10 less

By YEE XIANG YUN

xiangyun@thestar.com.my

JOHOR BARU: Wild prawn catches of up to five times the usual amount have led to an oversupply of the crustaceans nationwide.

This has also caused the price of sea prawns (udang laut), typically sold at RM48 per kg for medium sized ones, to drop by RM10, or about 20%.

Malaysia Fish Suppliers' Association deputy president Tai Wai Sun said the abundance of sea prawns was due to high tide and strong currents particularly in the west coast of Malaysia.

The strong currents swept the sea bed, causing the prawns to swim closer to the surface.

"Fishing trawlers have been netting in sea prawns weighing up to one tonne daily for the past few weeks compared to the usual few hundreds of kg previously," he said when interviewed.

Tai said the price reduction could be seen all over the country as the west coast fishermen supplied seafood nationwide as well as to Singapore.

The fishing community, he said, started seeing this phenomenon in the second half of June.

He explained that this was a seasonal occurrence as fishermen would not always enjoy such good harvests.

"However, we are now faced with an oversupply of prawns because the quantities have gone way up but the buying power has not changed much.

"This has caused the market to be in a 'mess' where fishermen are selling the prawns cheap to avoid keeping the stock for too long as it can go stale," he said.

Tai said some of these prawns were sold cheap via live commerce sites, while others were sold to factories to pack and process into frozen products.

Tai, who is also the Johor Bharu Fish Suppliers' Association chairman, said this was a good time for



What a bargain: Teo sorting through sea prawns at his stall at the Taman Perling wet market in Johor Baru. The oversupply of wild prawns have caused a price reduction since June. — THOMAS YONG/The Star

consumers to get sea prawns at a cheaper price as some fishermen have started seeing signs of dwindling harvest in the past few days.

Teo Yew Song, who runs a third-generation seafood wholesale business at the Taman Perling wet market here, said his suppliers from Perak, Penang and Pontian in Johor have had an abundance of sea prawns each day.

"Their fishing trawlers could catch up to one tonne of sea prawns each day, compared to the usual 100kg to 200kg," he said.

their consumption as sea prawns are best enjoyed fresh," he said.

A fishmonger in Skudai, known only as Chong, said his customers were happy with the lower price.

"The large sea prawns, which could go up to RM80 per kg, are usually not popular among my customers due to the price.

"But they can now buy it for RM70 per kg," he said, adding that the price of farmed prawns remained unchanged with medium-sized tiger prawns going for RM30 per kg.

12/7/2024

THE STAR

NATION

6

Eyes on ecommerce platforms

Govt ramps up enforcement against unlicensed sales of subsidised goods

By KHOO GEK SAN
and JUNAIID IBRAHIM
newsdesk@thestar.com.my

PETALING JAYA: The enforcement and monitoring of ecommerce platforms selling unlicensed and subsidised items such as rice and cooking oil have been ramped up by the government.

Padi and Rice Regulatory Board (KPB) enforcement officer Muammar Rashikin Abdul Hamid said guidelines were recently sent to ecommerce platform providers to ensure compliance with laws and regulations.

The Agriculture and Food Security Ministry, through KPB, continuously monitors the sale of rice on ecommerce platforms in Malaysia and also engages with them.

"We have provided guidelines stipulating that a valid retail licence, issued by KPB, is required for online rice sales. Rice must be sourced from legitimate sources only," he said when contacted.

He said ecommerce providers must require rice sellers to display their licences before they are permitted to trade online.

According to KPB, to date 37,000 licences have been issued to retailers nationwide including Sabah and Sarawak.

Muammar Rashikin said efforts to identify local rice sellers online often led to fake addresses.

"We have not been able to apprehend or take action against anyone," he said, adding that KPB relied on public complaints to identify illegal activities.

He also underscored the impor-



Slippery problem: At least 225 advertisements related to the online sales of controlled cooking oil were removed from July 4, 2022, to July 10, 2024, according to a deputy minister. — AZHAR MAHFOF/The Star

tance of buying rice from legitimate sources, especially for traders.

"Sometimes, retailers are unaware of the type of rice they are dealing with.

"Various types of smuggled rice from Thailand end up in places like Perlis and Kelantan near the border and are sold in Malaysia. One must be licensed to sell these goods," he said.

The ministry directed the

removal of 94 online advertisements on rice sales by ecommerce platform providers between Oct 1, 2023, and May 31 for failing to possess retail licences issued by KPB.

The rice advertised is believed to have been sourced from unauthorised suppliers.

The Agriculture and Food Security Ministry said the sale of rice on ecommerce platforms was subject to the Control of Padi and

Rice Act 1994 and its accompanying regulations. If found guilty, parties involved could be fined up to RM25,000 or imprisoned for up to five years, or both.

The government has set the ceiling price for locally produced white rice at RM26 per 10kg.

Meanwhile, Deputy Domestic Trade and Cost of Living Minister Fuziah Salleh said the ministry was monitoring online scams involving the sale of cooking oil

YOUR RIGHT to know

packets on social media platforms and online marketplaces.

She said between July 4, 2022, and June 30, 2024, a total of 71 inspections were carried out nationwide, with 14 related complaints received during the same period.

Of those, five cases under the Control of Supplies Act 1961 (Act 122) were investigated for offences related to online sales of cooking oil packets, leading to a seizure valued at RM1,796.

"Of the five cases, three have been resolved and two are still under investigation," she added.

As a result, 225 advertisements related to the online sales of controlled cooking oil were removed from July 4, 2022, to July 10, 2024.

A Lazada Malaysia spokesman, when contacted, said the platform would cooperate with the authorities to ensure compliance and safety of the products sold on its platform.

"All product listings that are identified by regulators as non-compliant will be taken down. We also encourage our shoppers to report suspicious or non-compliant sellers so that we may take appropriate action," the company said in a statement.